

Headline	Impak Mardiana Alwi		
MediaTitle	Jelita		
Date	29 Aug 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	37,099
Page No	172,173	Readership	78,784
Language	Malay	ArticleSize	1006 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,278
Frequency	Monthly	PR Value	RM 30,834




SELEBRITI

SOLEKAN DAN DANDANAN: YEE MUHAMAD (012-3430 229)
 BUSANA: AZURA COUTURE, TAMAN MELAWATI, HULU KELANG (013-2581 703)
 TULISAN: ANIS MASTURA, REMLI
 GAMBAR: MOHD FIRDAUS MOHD JOHARI

Impak

Mardiana Alwi



DIA hadir bukan sekadar meramaikan barisan artis, tetapi menghangatkan pentas dunia hiburan. Bakat seninya antara yang menyemarakkan industri hari ini. Walaupun kehadirannya masih hijau di dalam industri seni, bakat dan kemampuan Mardiana Alwi 25 tahun ini tidak boleh dipandang remeh.

Hingga kini, bekas graduan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) ini telah membintangi pelbagai drama termasuklah teater muzikal 'Impak Maksima', 'Sri Mersing', 'Bukan Dejavu', 'Intan Yang Tercana', 'Bangsawan Tun Fatimah Srikandi Melaka' dan teater Nyonya & The Gang .

Perubahan diri sejak menjadi artis?
 Saya lebih berhati-hati dalam soal kelakuan dan percakapan. Banyak perubahan positif, namun saya masih orang sama. Tidak banyak yang berubah sebenarnya.

Bagaimana soal privasi?
 Sebagai anak seni memang akan menjadi perhatian orang ramai kerana mereka

Headline	Impak Mardiana Alwi		
MediaTitle	Jelita		
Date	29 Aug 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	37,099
Page No	172,173	Readership	78,784
Language	Malay	ArticleSize	1006 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,278
Frequency	Monthly	PR Value	RM 30,834

adalah *public figure*. Memang tak dapat dinafikan, dan kita tak boleh lari daripada orang yang suka nak bercerita mengenai hal buruk atau baik kita. Namun sekali saya dah masuk dalam bidang ini, saya kena terima segala risiko dan bersiap sedia untuk menghadapi segala cabaran.

Pada saya, saya menceburi bidang ini kerana minat dan menganggap ianya sebagai kerjaya saya. Apa yang penting, saya tahu siapa diri saya yang sebenar dan keluarga saya tahu apa yang saya lakukan dan sentiasa ada untuk menyokong saya.

Istimewanya Mardiana?

Saya tidak cuba menjadi orang lain. Populariti tidak mengubah siapa saya.

Apa dan siapa yang mendorong Mardiana menjadi anak seni?

Keluarga yang banyak memberi galakan dan dorongan kepada saya. Sekarang pun, jika saya ke lokasi penggambaran atau persembahan nyanyian, mak saya yang menemani. Saya lebih selesa jika emak sentiasa berada di sisi, dia menjadi pembakar semangat untuk saya terus berjaya dalam bidang ini.

Kontroversi dan sensasi memang tidak dapat dielakkan dalam industri seni, sudah bersedia?

Saya setuju memang kontroversi tidak dapat dielakkan, tetapi paling penting saya lakukan yang terbaik untuk kerjaya saya ini. Ini kerana saya anggap bidang seni sebagai kerjaya saya dan bukan tiket untuk mengejar populariti. Saya begitu minat dalam bidang ini, insya-Allah, dengan bimbingan keluarga serta ilmu yang ada dalam bidang ini, saya bersedia menempuh segala cabaran mendatang.

Bagaimana soal penampilan?

Kemas dan selesa menjadi perkara utama. Saya pakai apa saja jenama asalkan selesa.

Pilihan Mardiana antara lakonan, nyanyian dan pengacaraan?

Bagi saya bidang seni amat luas untuk diterokai dan tidak semua orang mendapat peluang yang banyak pada satu-satu masa. Saya yakin keputusan yang diambil ini adalah tepat dan memberi manfaat kepada saya.

Harapan Mardiana di dalam industri seni?

Harapnya, kehadiran saya dalam bidang seni ini akan diterima ramai dan mendapat sokongan dari semua pihak. Segala cabaran yang akan saya hadapi, saya jadikan sebagai satu panduan untuk saya lebih berjaya dalam bidang ini dan menghadapinya dengan



tenang.

Bagi saya, walau dalam bidang apa pun yang kita ceburi, usaha dan minat adalah perkara yang paling utama untuk kita berjaya. Saya harap semua pihak akan menerima saya seadanya.

Cerita Syawal Mardiana?

Oh, saya sangat teruja setiap kali tiba 1 Syawal. Paling seronok, dapat makan rendang masakan emak dan berkumpul bersama keluarga. Dalam keluarga, saya menjadi penghibur sebab adik-beradik lain semua bekerja dalam bidang profesional. Jadi, apabila berkumpul memang seronok menyakat mereka dan berkongsi cerita. 